



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W. P. PUTRAJAYA
MALAYSIA



Pemenang Anugerah Kualiti
Perdana Menteri 2004
Pemenang Anugerah Perdana
Teknologi Maklumat 2006



Tel. : 03-8885 3001
Faks : 03-8889 2187
E-mel : ismail@jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA(BPM)(S) 223/4/7 (23)

Tarikh : 8 Januari 2010

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

Y. Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

Pelaksanaan Penggunaan Surat Pengesahan Diri dan Pengakuan Anggota Pentadbiran, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri Serta Tanggungan Mereka Secara *Online* (e-GL) Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia Melalui Aplikasi *Human Resource Management Information System* (HRMIS)

Sukacita saya menarik perhatian Y. Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Ogos 2009 telah memutuskan agar kemudahan surat pengesahan diri dan pengakuan pegawai secara *online* (e-GL) diperluaskan penggunaannya kepada Anggota Pentadbiran, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri serta tanggungan mereka di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia melalui aplikasi HRMIS.

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan pelaksanaan kemudahan ini berjalan dengan lancar, maklumat Anggota Pentadbiran, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri serta tanggungan mereka perlulah diselenggara dan dikemas kini di dalam aplikasi HRMIS dari semasa ke semasa. Dalam hal ini, Mesyuarat Jemaah Menteri juga telah memutuskan agar pengemaskinian maklumat tersebut di dalam aplikasi HRMIS adalah di bawah tanggungjawab Kementerian / Jabatan / Pejabat Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri seperti di **LAMPIRAN 1**. Maklumat yang perlu diselenggara dan dikemas kini adalah seperti di **LAMPIRAN 2**.

4. Pelaksanaan penggunaan kemudahan e-GL ini tidak mengubah mana-mana dasar dan peraturan berkaitan faedah perubatan dan kelayakan sedia ada bagi Anggota Pentadbiran, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Kemudahan e-GL ini dilaksanakan berdasarkan garis panduan yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Kewangan Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2008 dan akan **berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan**.

5. Sebarang pertanyaan dan kemusykilan mengenai perkara ini boleh dirujuk kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pengurusan Maklumat,
Bangunan MKN-Embassy Techzone,
Aras 3, Blok A, No. 3200, Jalan Teknokrat 2,
63000 Cyberjaya, Sepang,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Telefon : 03 – 8321 1400
Faks : 03 – 8320 1969
E-mel : hrmis_helpdesk@jpa.gov.my
Laman Web : <http://www.jpa.gov.my>

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

s.k

Ketua Setiausaha Negara

LAMPIRAN 1**SENARAI KEMENTERIAN / AGENSI YANG
BERTANGGUNGJAWAB MENGEMAS KINI DAN
MENYELENGGARA DATA ANGGOTA PENTADBIRAN, AHLI
PARLIMEN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DALAM
APLIKASI HRMIS**

	JAWATAN	KEMENTERIAN / AGENSI
1.	Y.A.B. Perdana Menteri	Pejabat Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri
2.	Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Perdana Menteri
3.	Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri	
4.	Y.B. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri	
5.	Y.B. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri	
6.	Setiausaha Politik kepada Y.A.B. Perdana Menteri	Pejabat Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri
7.	Setiausaha Politik kepada Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Perdana Menteri
8.	Setiausaha Politik kepada Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri	

	JAWATAN	KEMENTERIAN / AGENSI
9.	Y.B. Menteri	Kementerian
10.	Y.B. Timbalan Menteri	
11.	Y.B. Setiausaha Parlimen	
12.	Setiausaha Politik kepada Y.B. Menteri	
13.	Y.A.B. Menteri Besar	Jabatan Ketua Menteri / Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
14.	Y.A.B. Ketua Menteri	
15.	Y.B. Timbalan Menteri Besar	
16.	Y.B. Timbalan Ketua Menteri	
17.	Y.B. Anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	
18.	Setiausaha Politik kepada Menteri Besar	
19.	Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri	
20.	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri	

	JAWATAN	KEMENTERIAN / AGENSI
21.	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri	Jabatan Ketua Menteri / Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
22.	Ahli Dewan Undangan Negeri	
23.	Yang di-Pertua Dewan Negara	Parlimen Malaysia
24.	Yang di-Pertua Dewan Rakyat	
25.	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara	
26.	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat	
27.	Ahli Dewan Negara	
28.	Ahli Dewan Rakyat	

LAMPIRAN 2

MAKLUMAT ANGGOTA PENTADBIRAN, AHLI PARLIMEN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG PERLU DISELENGGARA DAN DIKEMAS KINI DALAM APLIKASI HRMIS

Anggota Pentadbiran, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri:

- (a) Nama Penuh
- (b) Nombor Kad Pengenalan
- (c) Jawatan
- (d) Kelayakan Hospital

Keluarga (Tanggungjawab):

- (a) Nama Penuh
- (b) Nombor Kad Pengenalan
- (c) Hubungan
- (d) Status (Bekerja / Belajar / Kurang Upaya)
- (e) Tarikh Lahir